

# UMS mahu MPP, JAKMAS berperanan sebagai ejen memacu kecemerlangan universiti

UB 16.01.2023 P.08

## KOTA KINABALU:

Kepimpinan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman UMS perlu memainkan peranan penting sebagai ejen penghubung di antara pengurusan universiti dan pelajar dalam mencapai agenda kecemerlangan universiti.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, MPP dan JAKMAS adalah sayap kanan pengurusan universiti dalam menyampaikan mesej kepada lebih 18,000 pelajar UMS.

Katanya, pihak berkenaan juga menjadi suara kepada seluruh pelajar bagi membantu pengurusan universiti menangani sebarang isu atau permasalahan berkaitan pelajar.

"Universiti misalkan mahu melahirkan graduan universiti yang tidak hanya sebagai memenuhi keperluan industri semata-mata tetapi turut berperanan sebagai penggerak kepada membangunkan negara seperti menjadi usahawan yang berjaya.

"Dalam mencapai hasrat itu, para pelajar perlu untuk mengasah kemahiran-kemahiran tertentu seperti kepimpinan, komunikasi, jati diri dan tidak hanya menumpukan kepada kecemerlangan akademik semata-mata.

"Justeru, MPP dan JAKMAS perlu berperanan menyampaikan hasrat ini kepada pelajar agar matlamat universiti untuk melahirkan modal insan yang holistik mampu tercapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan wakilah pelantikan kepada MPP



**MPP:** Barisan ahli MPP UMS meramkan kenangan bergambar bersama wakil pengurusan universiti.

dan JAKMAS Kolej Kediaman UMS Sesi 2022/2023 di Galeri Majlis UMS di sini.

Menurutnya, pelajar juga perlu mempunyai hala tuju dan objektif yang jelas mengenai keberadaan mereka di UMS.

"Pihak pengurusan universiti juga mahu memastikan para pelajar mempunyai kehidupan seimbang dari segi jasmani dan rohani. Selain landskap yang cantik dan prasarana yang pelbagai, UMS melalui Pusat Sukan juga merangka pelbagai aktiviti sebagai tambahan kurikulum untuk pelajar bagi tujuan itu," katanya.

Beliau turut menasihatkan siswa-siswi khususnya kepimpinan pelajar agar berhati-hati dalam sebarang tindak-tanduk yang boleh memberi kesan terhadap imej universiti, sama ada melalui perkataan maupun penulisan.

"Perlu diingat para pelajar adalah duta kepada universiti, dan sebarang tingkah laku pelajar menjadi refleksi kepada mentaliti universiti itu sendiri. Justeru, pihak universiti berharap agar para pelajar sentiasa menjaga tingkah laku dan imej



**PRESIDEN:** Jeeva Cassandra menerima nota serah tugas daripada Timbalan Presiden MPP Sesi 2021/2022 Hazzanif Hamid mewakili barisan kepimpinan MPP Sesi 2021/2022 sambil disaksikan oleh Kasim (empat kiri).

universiti, serta mananamkan sifat 'sense of belonging' terhadap universiti.

"Para pelajar juga perlu untuk terus terlibat dengan aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan agar pelajar sendiri tidak hanya mempunyai jiwa masyarakat, tetapi mampu memindahkan ilmu pengetahuan dan inovasi yang dipelajari dari universiti kepada masyarakat setempat," katanya.

Kasim berkata, barisan

MPP dan JAKMAS diharap dapat berganding bahu bersama pihak pengurusan untuk meneruskan keberadaan para pelajar di universiti dalam suasana baik dan harmoni bagi kecemerlangan universiti.

Pada majlis itu, Kasim menyampaikan watikah pelantikan kepada lapan Yang Dipertua JAKMAS yang mewakili kolej kediaman masing-masing, serta 35 ahli MPP yang diketuai Presiden MPP UMS Jeeva Cassandra Abdul Mumin yang

jugalah presiden MPP wanita yang pertama di UMS.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Rasid Mail; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Raman Noordin; Ketua Pustakawan UMS Md Sazali Md. Salleh; Penasihat Undang-undang UMS Awang Suhaizam Bongsu; dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Mohd. Raffie Janau.